

30/11/1998

Perpaduan senjata baru BN di Sabah

KERAJAAN Sabah akan menemui rakyat dalam pilihan raya negeri selewat-lewatnya April tahun depan. Walaupun tarikh pilihan raya masih rahsia, ia diramal berlaku pada bila-bila masa, mulai sekarang. Banyak petanda positif yang boleh diambil kira mengapa pilihan raya itu boleh diadakan dalam jangka waktu yang singkat. Berbanding keadaan di masa lalu, tidak siapa boleh menafikan suasana politik di Sabah pada masa ini adalah yang paling tenang.

Bukanlah menjadi rahsia, pada satu ketika, keadaan politik di Sabah begitu rapuh. Apabila ada saja isu yang ditimbulkan, keadaan politik di negeri itu bergegar hingga mencetuskan ketegangan. Anggota dan pemimpin politik melompat dari sebuah ke parti ke parti lain hanya disebabkan perbalahan kecil. Dalam keadaan yang tidak stabil seperti itu, pembangunan untuk faedah rakyat, begitu sukar dilaksanakan.

Tindakan mencemuh antara satu dengan lain juga sering berlaku. Ini semua adalah perlambangan perasaan tidak puas hati di kalangan pemimpin parti sama ada dalam kerajaan atau di luar kerajaan. Masing-masing mencari kesalahan orang lain hanya bermotif untuk mencetuskan perasaan tidak senang hati di kalangan rakyat. Paling buruk, parti politik bukan sahaja menggunakan isu etnik, malah soal agama dijadikan agenda politik untuk menanam perasaan benci antara satu dengan lain.

Akibatnya, kerajaan yang dipilih oleh rakyat sering bertukar tangan tanpa sebarang alasan yang kukuh. Rakyat begitu mudah membuat keputusan dalam proses mereka mencari-cari sebuah kerajaan yang terbaik. Hari ini, rakyat Sabah sudahpun menemui formulanya menerusi kerajaan Barisan Nasional (BN). Sejak BN memerintah, ribut yang melanda Sabah, reda sama sekali. Keadaan seperti ini berjaya mempercepatkan proses pembangunan di Sabah yang dapat disaksikan hari ini. Itulah sebabnya kerajaan BN sentiasa meletakkan kestabilan politik sebagai tunggak kemakmuran dan kemajuan negara.

Di negara mana sekali pun, faktor paling sesuai untuk mengadakan pilihan raya ialah apabila suasana politik begitu tenang dan anggota komponen BN tidak bertelagah sesama sendiri. Perpaduan di kalangan parti komponen dalam BN sebenarnya melambangkan perpaduan rakyat. Walaupun parti komponen di negeri itu mewakili pelbagai kaum dan etnik, masing-masing bersetuju yang selama ini mereka menerima layanan yang adil daripada kerajaan BN. Walau sekecil mana sekali pun parti berkenaan, jika masing-masing dapat bekerjasama, semua masalah dapat diselesaikan.

Pertukaran ketua menteri setiap dua tahun sekali boleh dianggap sebagai ubat paling mujarab untuk mengendurkan sebarang pertikaian yang mungkin berlaku. Selagi BN memerintah Sabah, selagi itulah setiap kaum dan etnik terbesar di negeri itu akan diwakili pada peringkat pentadbiran tertinggi. Jika sebelum ini ada pihak berpendapat jawatan ketua menteri secara bergilir boleh merencatkan pembangunan di sesebuah negeri, di Sabah keadaan sebaliknya berlaku. Proses penggiliran ketua menteri dibuat secara berhemah dan dipersetujui oleh semua pihak.

Jika pertukaran ketua menteri dalam BN boleh dibuat secara aman, bolehlah dianggap negeri itu sudah mencapai satu tahap perpaduan yang paling tinggi. Keadaan seperti ini tidak akan wujud jika parti pembangkang dibenarkan memerintah semula Sabah.

Keyakinan yang meningkat di kalangan rakyat terhadap kerajaan BN juga boleh dinilai dari segi ketandusan isu yang disemarakkan oleh parti

pembangkang. Hari ini hampir tidak ada isu besar yang boleh menggugat kerajaan BN. Parti pembangkang tidak boleh membuat tuduhan liar berhubung peranan Kuala Lumpur yang sebelum ini didakwa menentukan pentadbiran Sabah kerana sudah terbukti negeri itu diberi autonomi untuk mentadbir negeri itu.

Kerajaan Pusat hanya bertindak sebagai penasihat bagi memastikan pentadbiran kerajaan negeri bergerak atas landasan yang betul. Rakyat sudah pun dapat menyaksikan bahawa kerajaan BN Sabah tidak mengabaikan kebajikan mereka, berbanding beberapa kerajaan pembangkang yang pernah memerintah negeri itu.

Ketika kegawatan ekonomi, kerajaan BN di Sabah tetap teguh walaupun pada saat getir seperti itulah sepatutnya kekecohan lebih mudah berlaku. Tetapi, di Sabah, tidak ada tanda-tanda keadaan seperti itu sejak Julai tahun lalu, hinggalah keadaan ekonomi sudah dilihat beransur-ansur pulih sekarang.

Oleh itu, jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin dengan kemenangan mutlak BN di Sabah, ia sebenarnya lahir daripada kehendak rakyat Sabah sendiri.

(END)